



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 20 APRIL 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	LPNM PERKENAL MESIN SILAJ HASILKAN PRODUK SISA POKOK NANAS, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 15	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
2.	NAFAS SAMBUT BAIK USAHA DUA HALA G2G, BISNES, HARIAN METRO, M/S – 26	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
3.	KOS BERSAWAH MAKIN NAIK, PETANI RUGI, NEGARA, KOSMO, M/S – 11	LAIN - LAIN
4.	SARA DIRI PADI TERJEJAS JIKA 30% PESAWAH HENTI TANAM, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 6	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/4/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	15

# LPNM perkenal mesin silaj hasilkan produk sisa pokok nanas

Inisiatif pacu nilai tambah, beri hasil pendapatan tambahan kepada pekebun

Oleh Amir Mamat  
bhnews@bh.com.my

**Jasin:** Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) memperkenalkan mesin silaj nanas sebagai usaha untuk memacu nilai tambah dalam industri tanaman berkenaan.

Kewujudan mesin yang dibangunkan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) itu sebagai satu daripada usaha untuk memanfaatkan sisa pertanian yang terbuang kepada hasil pendapatan tambahan kepada pekebun.

Setiasaha Politik Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Yuhaizad Abdullah, berkata projek itu memberi fokus kepada penghasilan silaj nanas sebagai makanan alternatif ternakan seperti lembu, kambing dan kerbau.

Katanya, sejak 2024, pengeluaran silaj nanas mencecah 18.2

tan bersamaan 753 beg dengan anggaran nilai jualan RM7,530.

"Permintaan terhadap silaj nanas kini mencecah kira-kira tiga tan sebulan di daerah Jasin sahaja, sekali gus menunjukkan potensi besar projek ini dalam menambah pendapatan tambahan kepada pengusaha.

"Tujuan utama projek ini adalah untuk menggalakkan usahawan memanfaatkan sisa nanas sebagai sumber pendapatan tambahan melalui aktiviti pemprosesan silaj," katanya pada Program Walkabout dan Kempen Promosi Nanas di Pusat Koreksional Jasin, di sini kelmarin.

Yang hadir sama, Ketua Pengarah LPNM, Mohd Khairuzamri M Salleh; Pengarah Jabatan Penjara Melaka, Rosman Norman dan Pengarah Kanan Fakulti Teknologi Dan Kejuruteraan Mekanikal UTeM, Dr Mohd Khairil Ambia Chi Adam.

Yuhaizad berkata, anggaran sisa nanas bagi keluasan satu 0.4 hektar boleh mencecah sehingga 51 tan berdasarkan kira-kira 17,000 pokok dengan purata berat sisa tiga kilogram bagi setiap pokok.

Katanya, potensi ini membuka ruang luas kepada pengusaha untuk mengoptimalkan penggunaan sisa tanaman yang sebelum ini kurang dimanfaatkan.

"Projek berkenaan bukan sa-

haja membantu meningkatkan pendapatan usahawan, malah menggalakkan penggunaan semula sisa nanas selari dengan usaha memperkukuh rantaian nilai industri serta menyokong agenda keterjaminan makanan negara," katanya.

## Pelbagai kegunaan

Sementara itu, Mohd Khairuzamri berkata, hasil daripada sisa bukan sahaja boleh dijadikan sebagai silaj makanan haiwan ternakan, malah mampu menghasilkan sebagai sisa kering untuk pembuatan bongkah cendawan dan palet ternakan haiwan serta serat sebagai kegunaan industri tekstil.

Katanya, untuk tujuan terbahit, LPNM menganjurkan Kursus Pengendalian Mesin dan Penghasilan Silaj Nanas yang memabitkan seramai 30 peserta terdiri daripada pengusaha tanaman nanas di Melaka, Orang Disedia (ODS) serta Pegawai Pusat Koreksional Jasin.

"Tujuan kursus ini dilaksanakan adalah untuk memberi pendedahan berkaitan keselamatan semasa pengendalian mesin kepada semua peserta, sekali gus memberi galakan untuk usahawan menggunakan sisa yang ada bagi menghasilkan silaj nanas berkualiti serta memenuhi keperluan," katanya.



Yuhaizad (dua dari kanan) melihat proses daun nanas menggunakan mesin silaj di Pusat Koreksional Jasin, semalam. (Foto Amir Mamat/BH)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/4/2026	HARIAN METRO	BISNES	26

## KERJASAMA BEKALAN INPUT KRITIKAL MALAYSIA-AUSTRALIA

# NAFAS sambut baik usaha dua hala G2G

**Kuala Lumpur:** Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) akan terus bekerjasama dengan kerajaan serta pemain industri utama bagi memastikan kerjasama bekalan input kritikal antara Malaysia dan Australia dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam memperkukuh rantaian bekalan baja.

NAFAS dalam satu kenyataan berkata, ia menyambut baik perbincangan strategik antara Perdana Menteri Datuk Seri

Anwar Ibrahim dan rakan sejawatannya dari Australia, Anthony Albanese baru-baru ini untuk memperkukuh kerjasama dua hala bagi menjamin kestabilan bekalan input pertanian negara.

Menurut kenyataan itu, kerjasama tersebut dijangka dapat memperkukuh daya tahan sektor pertanian negara serta memastikan bekalan input kritikal kekal stabil dalam menghadapi cabaran global yang semakin mencabar.

NAFAS memaklumkan kerjasama kerajaan dengan kerajaan (G2G) itu merupakan langkah signifikan bagi memastikan kelangsungan bekalan bahan mentah kritikal industri baja dalam menepi ketidaktentuan rantaian bekalan global dan krisis tenaga semasa yang memberi kesan langsung kepada sektor pertanian serta pengeluaran makanan.

"Sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam

pengurusan dan pembe- kulan baja kepada sektor pertanian, NAFAS amat menitikberatkan kestabilan bekalan bahan mentah seperti CIRP (*Christmas Island Rock Phosphate*) bagi memastikan pengeluaran baja domestik dapat dilaksanakan secara berterusan dan efisien.

"Secara keseluruhan, keperluan CIRP bagi penghasilan baja negara dianggarkan sekitar 65,000 tan metrik (MT) setahun, khususnya bagi penghasilan

baja sebatian di bawah skim input subsidi kepada hampir 200,000 pesawah di seluruh negara, bergantung kepada keperluan musim tanaman dan permintaan sektor pertanian," menurut kenyataan itu.

CIRP yang diimport dari Australia merupakan komponen utama dalam penghasilan baja sebatian, khususnya bagi menyokong sektor padi yang menjadi tunjang kepada keterjaminan bekalan beras negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/4/2026	KOSMO	NEGARA	11



**PERBELANJAAN** menguruskan sawah semakin meningkat terutama pembelian racun, baja dan penggunaan jentera.

## Kos bersawah makin naik, petani rugi

### SAUDARA PENGARANG,

**SAYA** antara anak muda yang menceburi bidang pertanian.

Saya telah mengambil keputusan untuk mengusahakan tanah sawah dan membuat kerja-kerja sampingan dan tidak berhijrah ke luar meskipun mempunyai diploma.

Harapan saya adalah bidang yang dikatakan berpotensi, apatah lagi padi yang menjadi makanan ruji akan memberikan pulangan yang baik berbanding bekerja di bandar.

Namun, setelah lima tahun dalam bidang ini saya dapati bersawah ini terlalu keras dengan kos yang meningkat mendadak termasuk input pertanian seperti racun, jentera dan sebagainya.

Serangan penyakit kepada padi oleh serangga haiwan dan faktor cuaca menyebabkan kos terus meningkat setiap hari.

Malah pada masa ini juga menyaksikan kos terus meningkat akibat kenaikan diesel yang menyaksikan upah jentera termasuk mesin padi naik luar biasa.

Keadaan ini membuatkan saya bagaikan sudah rasa 'menyesal' memilih bidang ini, dan merasakan keputusan

dibuat rakan-rakan lain yang berhijrah ke bandar sememangnya tepat.

Meskipun ada yang mengatakan terdapat subsidi baja, racun dan sebagainya, namun hakikatnya tanyalah pesawah ia tidak seiring dengan peningkatan kos lain yang melangit, termasuk potongan padi yang tinggi ketika dihantar ke kilang.

Dalam keadaan kos yang melambung ini harga padi masih dikawal dan tidak dinaikkan berasaskan kepada kos semasa yang ditanggung petani, menyebabkan pesawah terpaksa berhadapan kerugian.

Inilah hakikatnya nasib pesawah bagai kais pagi makan pagi, kais petang makan petang, kalau diharap hanya pada sawah memang hidup di bawah paras kemiskinan.

Di sini saya merayu kerajaan agar melihat kepada permasalahan ini, fahamilah nasib golongan pesawah, harga padi harus seiring dengan peningkatan semua kos termasuk upah jentera.

Janganlah semua beban hendak diletakkan kepada pesawah tetapi menggalakkan anak muda bersawah.

**YANG MENYESAL**  
Rompin, Pahang

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	6

# Sara diri padi terjejas jika 30% pesawah henti tanam

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD  
 utusannews@mediamulia.com.my

**ALOR SETAR:** Kadar Sara Diri (SSR) padi negara terjejas sekiranya 30 peratus daripada 200,000 petani tidak mengerjakan sawah akibat peningkatan kos operasi.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, petani terpaksa mengeluarkan kos yang sangat tinggi jika mereka tetap mahu mengusahakan sawah ketika ini.

Katanya, antara RM5,000 ke RM5,500 diperlukan ketika ini untuk mengusahakan sehektar sawah. Sekiranya krisis tenaga global terus berlaku tidak mustahil kosnya boleh melonjak kepada RM7,000 sehektar.

"Kalau ini nilai yang kami kena bayar, kami tak boleh nak usahakan sawah sebab kos ter-



**ABDUL RASHID YOB**

lalu tinggi. Bayangkan cuma 30% sahaja petani tidak tanam padi maka akan memberi kesan kepada krisis makanan.

"Ini tidak termasuk petani yang tukar tanaman dan ada juga yang buat sawah tapi untuk makan sendiri sahaja. Apatah lagi jika negara pengeksporth seperti India dan Vietnam me-

nyekat pengeluaran beras mereka untuk kita," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Abdul Rashid berkata, harga lantai padi semasa pada kadar RM1,500 semetrik tan, tidak lagi relevan dengan kos sara hidup dan kos input pertanian yang melambung tinggi.

Jika harga itu dikekalkan, pesawah akan terus berdepan kerugian meskipun pelbagai insentif disalurkan untuk langkah penyelesaian sementara.

"Kerajaan perlu naikkan harga lantai padi kepada RM3,000 semetrik tan kerana ia amat perlu bagi membolehkan pesawah memperoleh margin keuntungan munasabah untuk kelangsungan hidup.

"Jika harga dinaikkan, insentif pembajakan boleh dihapuskan dan disalurkan kepada subsidi Beras Putih Tempatan (BPT) sekiranya kerajaan masih

ingin mengekalkan harga kawalan RM2.60 sekilogram kepada pengguna," katanya.

Sementara itu, Pengerusi PeSAWAH Bahagian Sungai Petani, Mohd. Farhan Mohamad berkata, penyelesaian jangka panjang amat diperlukan agar mereka dapat mengerjakan sawah dengan lebih praktikal bagi menjamin bekalan beras negara

"Insentif diumumkan kerajaan baru-baru ini meringankan beban pak tani tapi saya nampak ini hanyalah untuk jangka masa pendek, sedangkan yang kami perlukan adalah penyelesaian jangka panjang.

"Kita harap kerajaan boleh memperkenalkan kad *fleet*. Apabila ada kad subsidi itu kami boleh beli minyak diesel pada harga rendah dan tak terganggu dengan sebarang konflik global berkaitan dengan bahan api itu," katanya.